

## FUNGSI DAN PERANAN SENJATA DALAM NASKHAH *SULALATUS SALATIN*

AZLINA MUSA

Universiti Malaysia Terengganu

[azlinamusa@umt.edu.my](mailto:azlinamusa@umt.edu.my)

YUSMILAYATI YUNOS

Universiti Kebangsaan Malaysia

[yusmila@ukm.edu.my](mailto:yusmila@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan fungsi dan peranan senjata yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin*. Terdapat kepelbagaiannya senjata tradisional yang dinyatakan dalam *Sulalatus Salatin*. Antara senjata tersebut seperti keris, pedang, parang, golok, sumpitan, tombak, panah, lembing, kapak, senapang, perisai, meriam, bedil. Senjata tajam tersebut berfungsi memudahkan urusan kehidupan sehari-hari. Penulisan ini menggunakan naskhah *Sulalatus Salatin* tulisan A. Samad Ahmad (2010). Sekiranya ditelitian senjata yang digunakan dalam naskhah *Sulalatus Salatin* mempengaruhi pembukaan kota Melaka, perkembangan dan perluasan penjajahan kota Melaka. Senjata juga menjadi faktor kekalahan atau kejatuhan kota Melaka. Justeru, apakah fungsi dan peranan peralatan senjata yang digunakan dalam *Sulalatus Salatin*. Objektif penulisan ini ialah meneliti penjenisan senjata yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin*, menjelaskan fungsi dan peranan serta kepentingan senjata dalam kehidupan masyarakat pada zaman teks itu ditulis. Kaedah penulisan ini bersifat kuantitatif. Data akan dianalisis secara tematik dan analisis kandungan serta dilengkapkan dengan kajian kepustakaan. Hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati penggunaan senjata merupakan elemen penting dalam mengukuhkan hubungan antara raja dengan raja, hubungan antara negara dengan negara, senjata dijadikan hadiah, senjata sebagai pemagar negara kota, senjata dijadikan perlindungan diri, senjata pelengkap pakaian baju Melayu, senjata sebagai perperangan, senjata dalam taktik tipu helah muslihat dan sebagainya. Penulisan ini memberi sumbangan ilmu dalam bidang senjata dan dapat dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji lain pada masa akan datang.

**Katakunci:** Fungsi; implikasi; kepentingan; senjata; *Sulalatus Salatin*

## FUNCTION AND ROLE OF WEAPONS IN THE TEXT OF *SULALATUS SALATIN*.

### ABSTRACT

This paper discusses the function and role of weapons found in *Sulalatus Salatin*. There is a variety of traditional weapons mentioned in *Sulalatus Salatin*. Among these weapons are daggers, swords, machetes, machetes, blowpipes, spears, arrows, spears, axes, rifles, shields, cannons, guns. The sharp weapon serves to facilitate the affairs of daily life. This writing uses the copy of *Sulalatus Salatin* written by A. Samad Ahmad (2010). If the weapons used in the *Sulalatus Salatin* manuscript are examined, they influence the opening of the city of Melaka, the development and expansion of the colonization of the city of Melaka. Weapons are also a factor in the defeat or fall of the city of Malacca. Therefore, what is the function and role of the weapons used in *Sulalatus Salatin*. The objective of this writing is to examine the types of weapons found in *Sulalatus Salatin*, to explain the function and role and importance of weapons in the life of the community at the time the text was written. This writing method is quantitative. Data will be analyzed thematically and content analysis and completed with literature review. The results of the study found that the use of weapons is an important element in strengthening the relationship between king and king, the relationship between country and country, weapons as gifts, weapons as city-state fences, weapons as self-protection, weapons as complements to Malay clothing, weapons as war, weapons in trickery tactics and so on. This writing contributes knowledge in the field of weapons and can be used as a reference source for other researchers in the future.

**Keywords:** Function; implications; interests; weapons; *Sulalatus Salatin*

### PENGENALAN

Karya agung *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*, merupakan pertuturan segala raja-raja Melayu. Karya ini juga dikenali sebagai magnum opus Melayu dan sebuah karya historiografi Melayu. *Sulalatus Salatin* bukan sahaja merakam susur galur keturunan raja-raja Melayu tetapi mempunyai banyak peristiwa (Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi 2022) menarik di dalamnya. Karya ini telah dikarang oleh Tun Sri Lanang ketika beliau menjadi Bendahara Paduka Johor bermula tahun 1580 hingga 1615 (Siti Faridah Leong Abdullah dan Bazrul Bahaman (2017). Naskhah ini telah disalin pada tahun 1798 Masihi di Melaka. Karya agung ini telah dialih-aksara dari aksara jawi ke rumi. Menurut Ahmat Adam (2016), *Sulalatus Salatin* atau pun *Sejarah Melayu* ialah karya tertua yang telah terselamat disimpan dan pernah ditulis oleh orang Melayu. Naskhah ini merupakan karya teragung orang Melayu.

Selain itu naskhah *Sulalatus Salatin* mengisahkan senjata-senjata yang menjadi alat utama dalam peristiwa yang berlaku. Penelitian mendapati senjata bukan sekadar benda tajam untuk kegunaan menikam atau melawan musuh tetapi senjata juga melambangkan kedaulatan, maruah, dan status sosial yang sekaligus menjadikan senjata yang bersifat luar biasa adalah aset

berharga yang menjadi rebutan masyarakat. Disebabkan itu, setiap rumah dikatakan mempunyai sekurang-kurangnya sebilah senjata sebagai simpanan dirumah.

Sekiranya ditelitikan secara fizikalnya senjata mempunyai rupa bentuk yang tajam. Keunikkan senjata bukanlah terletak pada kehalusan dan keindahan bentuk luaran dan bahan yang dipakai serta proses pembuatannya yang memerlukan tempoh waktu yang lama dan kepakaran tukang yang tinggi yang sangat mahir dalam ilmu persenjataan. Senjata merupakan sebuah cerminan daripada citra pemikiran, nilai dan falsafah kebudayaan yang tinggi bagi masyarakat Melayu. Selain itu senjata bukan sekadar pelengkap pakaian baju melayu malahan tersirat simbolik kepelbagai fungsi senjata dalam kehidupan masyarakat. Senjata menjadi lambang dan mempunyai simbol ketinggian intelektual dan kehebatan pemakai dalam masyarakat Melayu.

### KEPELBAGAIAN JENIS SENJATA DALAM *SULALATUS SALATIN*

Senjata merupakan satu alat yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan demi mencapai matlamat tertentu yang bergantung kepada orang yang menggunakan senjata tersebut. Terdapat kepelbagaian jenis senjata dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. Senjata tersebut ada yang awalnya daripada senjata ringan dan paling mudah digunakan sehingga kepada senjata yang memerlukan kecekapan dan kebijaksanaan dalam mengendalikan senjata tersebut. Sehubungan itu, senjata dalam naskhah *Sulalatus Salatin* boleh diklasifikasikan sebagai senjata tradisional dan senjata moden. Antara senjata tersebut adalah seperti pedang, parang, keris, lembing, tombak, pisau, sumpitan, perisai, pisau pencukur, meriam, senapang, bedil dan sebagainya.

#### Lembing

Lembing merupakan sejenis senjata tajam yang digunakan sama ada untuk berburu atau berperang. Lembing mempunyai hulu atau pemegang yang diperbuat daripada kayu dan mempunyai hujung yang tajam yang dipanggil sebagai kepala. Hujung yang tajam itu kemungkinan juga adalah dari hujung kayu itu sendiri seperti lembing buluh atau pun diikatkan bersama dengan bahan lain kepada hulu tersebut. Lembing yang paling biasa dibuat adalah lembing yang mempunyai kepala yang diperbuat daripada besi yang berbentuk seperti pisau pendek dan digunakan untuk tikaman. Lembing mempunyai mata yang berbentuk lurus, tirus. Kebiasaannya lembing digunakan untuk pertarungan jarak dekat atau pun untuk membuat lontaran jarak jauh. Sehubungan itu penggunaan senjata lembing dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Maka bertemulah rakyat Siam dengan rakyat Keling, lalu berperanglah, tiada sangka bunyinya lagi; segala yang bergajah berjuangkan gajahnya, dan yang berkuda bergigitkan kudanya, dan yang berpanah berpanahanlah dianya, dan yang **berlembing** bertikamlah **lembingnya**, dan yang berpedang bertetakan pedangnya. Maka rupa segala senjata seperti hujan yang terlalu lebat, tidaklah lagi tampak awan di langit, oleh kebanyakan kilat senjata itu; gegak gempitalah bunyi tempik sorak orang berperang itu, maka berbangkitlah lebu duli udara, kelam-kabut, siang menjadi malam seperti gerhana

matahari. Maka segala rakyat antara kedua belah pihak pun jadi campur-baurlah, tiada berkenalan lagi waktu perang itu. Mana yang mengamuk di amuk orang pula, yang menikam ditikam orang pula. Maka kedua pihak itu banyaklah mati dan lukanya, darah pun banyaklah tumpah mengalir ke bumi seperti air sebak. Maka lebu duli itu pun hilanglah, maka kelihatanlah orang berperang itu, beramuk-amukan terlalu ramai; sama-sama tiada mahu undur lagi. Maka Raja Chulan pun menampilkkan gajahnya menempuh ke dada rakyat Raja Chulan pun menampilkkan gajahnya menempuh ke dalam barang di mana ditempuhnya bangkai bertimbun-timbun maka segala rakyat Keling pun banyaklah matinya, lalu undur.

(A. Samad Ahmad, 2010: 12)

Petikan di atas menerangkan fungsi lembing sebagai salah satu senjata tradisional yang berabad usianya. Senjata lembing bukan sekadar untuk menikam sebaliknya berfungsi sebagai pemagar diri. Lembing yang mempunyai rupa bentuk yang tajam di bahagian pangkalnya bukanlah sekadar senjata untuk kegunaan peperangan sebaliknya lembing digunakan dalam aktiviti harian seperti berburu, menangkap ikan dan sebagainya. Kebiasaannya lembing digunakan untuk melindungi diri daripada serangan ancaman musuh nyata mahu pun musuh ghaib. Selain itu, kebijaksanaan pendekar Melayu menggunakan senjata lembing melawan pasukan musuh yang datang menyerang akhirnya dapat mengundurkan pihak musuh kalah di medan pertempuran peperangan. Jelas sekali keberkesanan senjata lembing dalam peperangan adalah dapat dilontarkan dalam jarak yang jauh untuk membunuh pihak musuh.

### Sumpitan

Sumpitan merupakan sejenis peralatan berburu atau pun berperang. Kebiasaannya sumpitan digunakan untuk pertarungan jarak jauh. Penggunaan sumpitan dalam *Sulalatus Salatin* boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Arkian maka kelengkapan Haru pun datang, bertemu dengan kelengkapan Melaka lalu berperang, tiada sangka bunyiannya lagi. Maka rupa anak panah dan **damak sumpitan** seperti manik hujan yang lebat. Maka oleh orang Melaka dilanggarnya sekali-sekali, dicurahnya dengan batu dan seligi; maka kelengkapan Haru pun banyaklah alah, barang yang tinggal habis lari, mudik ke hulu, kepada rajanya. Maka Maharaja Diraja pun menyurung damai kepada Paduka Tuan; maka kabullah Paduka Tuan. Maka oleh orang Haru diperbuatnya balai di pangkalan Dungun.

(A. Samad Ahmad, 2010: 178-179)

Petikan di atas menjelaskan sumpitan salah satu senjata berperang di medan peperangan. Kebiasaannya senjata sumpitan digunakan untuk menyerang musuh pada kedudukan jarak yang jauh. Penggunaan senjata sumpitan dengan cara meniup dalam peperangan dikatakan dapat mengaburi pihak musuh dalam peperangan. Kebiasaan sumpitan adalah diperbuat daripada buluh yang bersaiz panjang.

### Golok

Golok atau pun gulok merupakan sejenis alat memotong serupa parang yang didapati meluas serata rantau Nusantara. Golok paling lazim digunakan dalam kalangan suku kaum Betawi dan Sunda namun ia juga diketahui dalam kalangan orang suku Jawa dan suku Melayu. Penggunaan senjata golok dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Sekali persetua, pada suatu hari ada seorang Jawa demam terkokol-kokol, maka oleh segala orang muda-muda ditertawakan. Maka orang Jawa itu pun kemalu-maluan, lalu ia mengamuk dengan **golok Sunda**. Maka orang pun banyaklah mati ditikamnya, seorang pun tiada dapat mengembari dia. Maka orang pun gemparlah berlarian ke sana ke mari. Maka Hang Tuah pun dititahkan Sultan Mansur Syah mengembari Jawa mengamuk itu; maka Hang Tuah pun menyembah, lalu ia segera mendapatkan Jawa mengamuk itu, dan Hang Jebat dan Hang Kasturi mengikut dia dari belakang, hendak melihat Hang Tuah mengembari Jawa mengamuk itu.

(A. Samad Ahmad, 2010: 119)

Petikan di atas menunjukkan golok bukan sekadar senjata tajam yang membantu keperluan kerja di rumah mahu pun untuk berkebun. Senjata golok adalah berfungsi menikam pihak musuh lawan dalam perang. Keadaan fizikal luaran senjata golok yang tajam dan tanpa sarung adalah dikatakan boleh menakutkan dan menggerunkan pihak musuh lawan yang menghampirinya.

### Panah

Panah adalah senjata dengan cara melepaskan anak panah dengan menggunakan sebuah busur. Kegiatan ini biasanya digunakan untuk memburu dan berperang. Penggunaan panah dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Setelah dilihat oleh Sultan Abdul Jamal, maka baginda pun menyuruh menampilkan kenaikannya; maka kenaikan raja Pahang pun dekatlah, maka oleh Hang Nadim segera dipanahnya dengan **panah losong** kena kemuncak payung raja Pahang, belah dua. Maka Hang Nadim pun bertempik, katanya, “Hei orang Pahang, lihatlah tahunya aku memanah! Jikalau aku hendak melawan kamu sekalian, seorang-seorang dapatku masukkan biji mata kamu.” Maka orang Pahang pun hebat rasanya melihat betul Hang Nadim memanah itu; kerana Hang Nadim itu terlalu amat bijaknya pada memanah, umpamanya membelah kayu pun ia dapat dengan **panah**.

(A. Samad Ahmad, 2010: 230)

Petikan tersebut menjelaskan panah merupakan senjata yang digunakan di medan perang bagi menyerang musuh dalam jarak yang jauh. Penggunaan senjata panah

memerlukan kekuatan fizikal dan batiniah yang sangat kuat bagi menarik anak panah untuk menyerang musuh. Penggunaan senjata panah adalah dapat melindungi daripada ancaman musuh kerana serangan pihak lawan adalah boleh dilakukan dalam jarak yang sangat jauh. Kecekapan dan kebijaksanaan menikam musuh lawan menggunakan panah di medan peperangan adalah dianggap pahlawan yang hebat.

### Perisai

Perisai merupakan sejenis senjata yang digunakan untuk melindungi diri dalam peperangan. Penggunaan perisai dalam *Sulalatus Salatin* adalah sebagaimana berikut:

...petir membelah itu; segala orang berjebang, terus dengan jebangnya; segala yang memegang rangan, terus dengan rangannya; yang memegang **perisai** terus dengan **perisainya**.

(A. Samad Ahmad, 2010: 234)

Petikan tersebut menghuraikan perisai berfungsi untuk melindungi tubuh badan seseorang daripada serangan musuh yang datang menyerang secara jarak dekat mahu pun jarak jauh. Penggunaan senjata perisai dapat mengalahkan musuh lawan di medan peperangan.

### Pedang

Pedang merupakan sejenis senjata tajam yang memiliki bilah yang panjang. Penggunaan pedang dalam *Sulalatus Salatin* adalah sebagaimana berikut:

Adapun akan Seri Amerta itu asalnya daripada orang Pasai, Tun Semendera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda suatu bangku betul di bawah lutut baginda; di sanalah ia memikul **pedang**. Ialah yang menyampaikan barang titah raja.

(A. Samad Ahmad, 2010: 90)

Petikan di atas menunjukkan pedang merupakan senjata tajam panjang yang berfungsi menghunus musuh lawan dalam jarak dekat mahu pun jarak jauh. Senjata ini biasanya dipakai oleh orang berpangkat seperti Bentara untuk dijadikan sebagai alat pertahanan diri.

### Parang

Parang adalah sejenis pisau besar yang secara lazimnya digunakan oleh masyarakat di Nusantara. Panjang bilah parang ditetapkan adalah tidak boleh kurang daripada 10 inci dan tidak boleh melebihi 24 inci. Penggunaan parang dalam *Sulalatus Salatin* adalah sebagaimana berikut:

Setelah dilihat oleh anak Bendahara Seri Maharaja, Tun Abdul Karim seorang namanya, Tun Jenal seorang namanya, akan Tun Hamzah kena **parang** itu, maka keduanya datang ke hadapan Tun Sura Diraja, katanya, “Hei Tun Sura Diraja, hamba kedua bersaudara ini bunuhlah oleh tuan hamba;” tengah ia berkata-kata itu, maka datang Sang Sura berlari-lari dari dalam membawa titah, katanya, “Jangan dibunuh yang lain, empat orang sahaja, titah.” Maka kata Tun Sura Diraja, “Wah! Tun Hamzah sudah kena **parang** oleh Mia Sima, murkalah kelak duli Yang Dipertuan.” Seraya katanya kepada Tun Abdul Karim dan Tun Jenal itu, adik Tun Fatimah. Setelah itu maka Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara, datanglah mengadap ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, persesembahkan Tun Hamzah kena **parang** itu. Maka baginda pun murka akan Mia Sima, disuruh bunuh. Akan Tun Hamzah disuruh ubati kepada tabib, disuruh baginda peliharakan baik-baik; maka dengan takdir Allah Taala, belum datang ajalnya, tiada mati. Ialah yang sangat kasihi baginda; akan Bendahara Seri Maharaja empat beranak itu disuruh baginda tanamkan, seperti adat dianugerahi.

(A. Samad Ahmad, 2010: 258)

Petikan di atas menjelaskan parang sebagai sejenis senjata tajam yang secara fizikalnya dapat membantu kerja di rumah atau aktiviti harian berkebun. Keadaan fizikal senjata parang yang tajam dan tidak mempunyai sarung adalah dapat menggerunkan dan berkeupayaan menundukkan pihak musuh lawan. Umumnya senjata ini dimiliki oleh rakyat biasa dan menjadi senjata ini disimpan sebagai pelindung diri.

### Tombak

Tombak adalah sejenis senjata tajam yang terdiri daripada tongkat sebagai pegangan dimana hujungnya terdapat mata atau pun kepala tombak yang ditajamkan. Tombak lazimnya digunakan untuk berburu dan berperang. Penggunaan senjata tombak dalam *Sulalatus Salatin* adalah sebagaimana berikut:

Setelah bermain maka Tun Bijaya Sura pun menyembah kaki Betara, lalu turun mendapatkan rakannya. Maka kata Tun Bijaya Sura pada Hang Tuah, “Hei Hang Tuah, dan Hang Jebat dan Hang Kasturi, tunjukkanlah pula berani perkasa tuan-tuan; akan hamba sudahlah menunjukkan ‘iyar hamba, menghilangkan kehinaan kita. Jika tuan-tuan gagah berani pergilah naik ke atas balai larangan betara itu, lamun tidak berjatuhan **ditombak** oleh Jawa yang banyak itu kelak.’” Maka sahut Hang Tuah, “InsyaAllah Taala baiklah, akulah yang memancung **tombak Jawa** yang berlapis-lapis datangnya itu.” Maka kata Hang Jebat, “pancunglah oleh tuan hamba, biarlah hamba mengampung akan dia”; maka jawab Hang Kasturi pula, “kampungkanlah oleh tuan hamba, biar hamba memberkasnya;” maka sahut Hang Lekir dan Hang Lekiu pula, “Berkaslah oleh tuan hamba, biar hamba mengangkut dia.”

(A. Samad Ahmad, 2010: 122-123)

Petikan di atas menjelaskan tombak merupakan senjata tajam yang tidak mempunyai sarung. Keadaan bentuk fizikal senjata tombak yang tajam boleh mengerunkan pihak musuh. Senjata tombak boleh menyerang musuh dalam jarak dekat mahu pun jarak jauh di medan peperangan.

### Kapak

Kapak merupakan sejenis senjata tajam yang terdiri daripada mata atau pun kepala kapak yang tajam dan mempunyai bahagian pemegang yang diperbuat daripada kayu. Penggunaan kapak dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Ada pada suatu hari diintainya dari sebalik banir kayu, maka dipandangnya datang hantu terlalu besar-panjang, tubuhnya merah seperti api, matanya bagi matahari terbit, rambutnya seperti raga dan janggutnya datang pada pusatnya. Maka oleh Badang diambilnya parang dan **kapaknya**, serta diberani-beranikan dirinya, lalu diterpanya menangkap janggut hantu itu, serta katanya, “engkau inilah makan ikanku dalam lukahku; sekali ini engkau matilah olehku.”

(A. Samad Ahmad, 2010: 48)

Petikan di atas menjelaskan kapak sebagai senjata tajam yang secara fizikal berbentuk tajam dan tidak mempunyai sarung. Keadaan fizikal kapak yang tajam dapat menakutkan pihak musuh lawan. Kapak berfungsi memotong atau menikam. Kapak juga boleh digunakan membantu aktiviti harian seperti berkebun, memotong kayu dan sebagainya. Kapak dapat mengerunkan pihak musuh lawan.

### Keris

Keris berasal daripada *ke* dan *aris*. Mt. Ariffin (2006: 15) menyatakan keris adalah berasal daripada suku kata *ke* dan *ris*. Suku kata *ke* adalah berasal daripada kata *kekeran* yang mengandungi erti adanya suatu pagar, penghalang, peringatan dan juga pengendalian. Manakala suku kata *ris* pula diambil daripada kata asal *aris* yang bermaksud tenang, lambat dan halus. Justeru itu keris yang berasal daripada perkataan Jawa iaitu *iris* pada awalnya memainkan peranan sebagai alat untuk memotong atau pun menikam. Penggunaan senjata keris dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Setelah sekata kelimanya, lalu bersama-sama naik ke atas balai larangan, yang tengah penuh sesak oleh orang mengadap Betara Majapahit. Setelah segala juruganjur itu terlihat Hang Tuah, orang berlima itu naik ke balai larangan, maka datanglah meradakkan ganjurnya kepada orang berlima itu; maka bersamarlah rupa tombak yang datang, semuanya dipancung oleh Hang Tuah. Lima puluh datang, kelima puluhnya

habis putus dipancungnya dengan **keris tempa Melaka** itu; seratus datang, ke seratusnya habis putus, dan dua ratus datang, kedua ratusnya habis putus dipancungnya.

(A. Samad Ahmad, 2010: 123)

Petikan di atas menjelaskan fungsi keris oleh pahlawan Melaka berkeupayaan melindungi negara kota Melaka daripada diceroboh oleh pihak musuh. Kebijaksanaan dan ketangkasan pahlawan Melaka bersenjatakan keris berkeupayaan mengukuhkan darjat dalam istana Melaka pada ketika itu.

Selain itu, penguasaan dalam seni pertukangan senjata khususnya keris yang elok dan indah dengan kepelbagaiannya rupa bentuk hulu keris seperti berhulukan kepala burung dan sebagainya adalah berkeupayaan mengerunkan pihak musuh lawan kerana kehebatan tukang dalam seni ukiran keris. Keris menjadi lambang kehebatan dan kebijaksanaan hasil kerja tangan seni pertukangan senjata.

Disamping itu kepandaian bermain senjata untuk memimpin perang atau pun mempunyai kuasa sakti atau pun ghaib yang menjadikan pengikutnya patuh kepadanya dan tidak berani bertindak menentangnya. Tambahan ketokohan laksamana Melaka Hang Tuah begitu hebat bermain senjata keris adalah turut diiktiraf oleh masyarakat dalam menjamin keselamatan Melaka. Kefungsian senjata yang mempunyai kuasa sakti adalah semakin menjadi rebutan pahlawan dalam memastikan kedudukan kerajaan Melaka adalah gemilang di persada dunia.

### **Pisau Sadap**

Pisau sadap merupakan sejenis senjata yang digunakan untuk menoreh getah. Gambaran ini turut digunakan dalam kehidupan masyarakat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana berikut:

Setelah dilihat oleh Puteri Awi Kesuma, maka berkenan pada hati baginda; maka titah baginda kepada Patih, “anak siapa ia itu? Berkenan pada hati beta.” Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, “baiklah tuanku, anak barang siapa pun baik, lamun tuanku berkenan akan suami juga.” Maka oleh Patih Aria Gajah Mada, **disuruhnya panggil anak si penyadap** itu, dibawanya pulang ke rumahnya, lalu dimandikannya, dibedaki dan dipelihara dengan sepertinya. Maka Patih pun memulai pekerjaan berjaga-jaga, hendak mengawinkan Tuan Puteri Awi Kesuma dengan anak si penyadap itu; berjaga-jaga tujuh hari tujuh malam.

(A. Samad Ahmad, 2010: 115-116)

Petikan di atas menghuraikan kegunaan pisau sadap adalah membantu aktiviti kerja dirumah. Sebaliknya pisau sadap yang kecil, senang dibawa dan mempunyai rupa bentuk yang tajam adalah berfungsi sebagai melindungi diri daripada ancaman musuh yang datang menyerang.

### Meriam

Meriam adalah istilah yang merujuk kepada bedil bersaiz besar di mana ia boleh memuatkan peluru seberat enam paun dan lebih. Di samping itu, meriam terbahagi pula kepada beberapa jenis iaitu Meriam Agung, Meriam Buluh, Meriam Julong atau Jenjulong, Meriam Kalok, Meriam Dua Sekalam, Meriam Peminggang dan Meriam Turat. Gardner seterusnya menyatakan bahawa di Jawa, meriam dikenali dengan nama bedil dan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu Bedil Besar, Bedil Pengatu dan Bedil Tegadas - sejenis meriam kuno (Mohd Hasanuddin Mohd Yusof & Zuliskandar Ramli 2021).

Meriam merupakan sejenis senjata moden yang digunakan dalam kehidupan masyarakat menerusi kedatangan penjajah barat di Melaka untuk berperang dan menewaskan pihak musuh lawan sepetimana dinyatakan dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana di bawah:

Maka Sultan Ahmad pun pergilah ke jambatan mendapatkan Peringgi, terlalu banyak hulubalang mengiringkan baginda; maka oleh Sultan Ahmad Syah, ditempuh baginda dengan segala hulubalang, Peringgi pun pecah berhamburan, lalu ke air; sekaliannya undurlah ke perahunya. Maka dibedilnya dari kapal dengan **meriam** yang besar-besar, seperti halilintar bunyinya. Maka Sultan Ahmad terdiri di atas gajah baginda di hujung jambatan, khabar pun baginda tiada akan bedil yang seperti hujan lebat datangnya itu. Maka Makhdum berpegang dua-dua tangannya pada kiri kanan rengka; kata Makhdum Sadar Jahan pada Sultan Ahmad, “Hei Sultan, di sini bukan tempat tauhid; mari kita kembali.” Maka Sultan Ahmad pun tersenyum, lalu baginda pun kembalilah ke istana. Maka Peringgi pun berseru dari kapal, katanya, “hei orang Melaka! Ingat-ingat kamu sekalian! Demi Dios, esok hari kami naik ke darat.” Maka sahut orang Melaka, “baiklah!”.

(A. Samad Ahmad, 2010: 268)

Petikan di atas menjelaskan meriam merupakan senjata moden yang diperkenalkan oleh penjajah di Alam Melayu. Meriam merupakan senjata api yang bersaiz besar dan boleh memuatkan peluru seberat enam paun dan lebih. Meriam terbahagi kepada beberapa jenis iaitu meriam agung, meriam buluh, meriam julong atau jenjulong, meriam kalok, meriam dua sekalam, meriam peminggang dan meriam turat. Kecanggihan teknologi berdasarkan senjata meriam berkeupayaan membantu memudahkan mengempurkan pihak musuh lawan dengan cepat. Penggunaan senjata meriam berkeupayaan membunuh pihak musuh lawan tanpa menyerang menggunakan senjata tajam. Penggunaan senjata meriam berkeupayaan membunuh musuh lawan dalam kuantiti yang banyak dan dalam masa yang pendek.

### Sekin Jenawi

Sekin jenawi merupakan sejenis senjata tradisional untuk membela diri dan dipakai untuk menjaga diri daripada serangan musuh sepetimana dalam gambaran kehidupan masyarakat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana di bawah:

...Inilah ia yang dikehendakkan oleh raja besar itu.” Maka berkenan pada Orang Kaya Tun Muhammad pun hampirlah mari tuan hampir.” Maka Orang Kaya Tun Muhammad pun hampirlah pada Tun Hassan. Maka kata Tun Hassan pada Orang Kaya Tun Muhammad kata Tun Hassan itu. Maka Orang Kaya Tun Muhammad pun bermohonlah kepada Sultan Pasai. Maka raja Pasai membalias surat raja Melaka, bingkisan **sekin jenawi** bertumit bertatah sebilah; panah dua rahin dengan anaknya dua terkas.

(A. Samad Ahmad, 2010: 249)

Petikan di atas menjelaskan senjata sekin jenawi yang bukan sekadar senjata tradisional yang dihias dengan aksesori yang elok dan indah yang boleh dijadikan sebagai hadiah. Sebaliknya sekin jenawi merupakan senjata tajam yang berfungsi melindungi diri daripada serangan musuh yang datang menyerang.

### **Pisau Pencukur**

Pisau pencukur adalah sejenis benda tajam yang berbentuk kecil dan tipis. Penggunaan senjata pisau cukur dalam *Sulalatus Salatin* adalah sebagaimana di bawah:

Setelah tujuh hari di luar, maka Temenggung pun mengarap air mandi. Dan **pisau pencukur** anak raja itu, pisau tembaga suasa, berhulu emas berpermata; maka anak raja itu pun dicukur oleh Bendahara, maka gendang palu-paluun pun di palu oranglah seperti adat kerajaan, maka rambut anak raja itu ditimbang oleh Bendahara perempuan dengan emas dan perak, didermakan kepada segala fakir dan miskin. Telah bercukur, maka anak raja itu dinamai Raja Ali, timang-timangnya Raja Kecil Besar. Maka permaidani daripada Raja Muzaffar pun diambil orang pula, maka tinggal tikar hamparan setara orang banyak.

(A. Samad Ahmad, 2010: 273)

Petikan di atas menjelaskan pisau pencukur merupakan senjata tajam yang mudah dibawa kerana saiznya yang agak kecil dan tipis. Pisau pencukur bukan sekadar digunakan untuk aktiviti harian dirumah. Selain itu pisau pencukur selalunya digunakan sebagai upacara bercukur. Sebaliknya pisau pencukur juga berfungsi untuk melindungi diri daripada ancaman musuh nyata mahupun musuh ghaib.

### **Pisau Tembaga Suasa**

Pisau tembaga suasa merupakan senjata tajam yang kecil dan nipis. Pisau tersebut adalah diperbuat oleh tukang menggunakan tembaga suasa. Lazimnya pisau tembaga suasa adalah dipakai oleh rakyat biasa. Hal ini adalah boleh dilihat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana di bawah:

Setelah tujuh hari di luar, maka Temenggung pun mengaruk air mandi. Dan pisau pencukur anak raja itu, **pisau tembaga suasa**, berhulu emas berpermata; maka anak raja itu pun dicukur oleh Bendahara, maka gendang palu-paluuan pun di palu oranglah seperti adat kerajaan, maka rambut anak raja itu ditimbang oleh Bendahara perempuan dengan emas dan perak, didermakan kepada segala fakir dan miskin. Telah bercukur, maka anak raja itu dinamai Raja Ali, timang-timangnya Raja Kecil Besar. Maka permaidani daripada Raja Muzaffar pun diambil orang pula, maka tinggal tikar hamparan setara orang banyak.

(A. Samad Ahmad, 2010: 273)

Petikan di atas menjelaskan pisau tembaga suasa yang tajam yang kecil dan nipis selalunya dijadikan perhiasan. Disamping itu pisau tembaga suasa dapat digunakan untuk menikam musuh dalam jarak yang dekat.

### **Senapang**

Senapang merupakan sejenis senjata yang terdiri daripada suatu laras panjang yang lebih besar dan panjang daripada pistol yang diisi dengan peluru. Penggunaan senapang dalam *Sulalatus Salatin* adalah sebagaimana berikut:

...setelah keesokan harinya, maka segala anak Portugal pun naiklah dengan **senapangnya**, dua ribu banyaknya, lain pula orang hitam dan lasykarnya, tiada terbilang lagi. Maka dikeluari oleh orang Melaka, Tun Hassan Temenggung panglimanya. Maka bertemulah segala orang Melaka dengan segala Peringgi lalu berperang, terlalu sabur, rupa senjata seperti hujan yang lebat; lalu ditempuh Tun Hassan Temenggung berserta hulubalang Melaka, maka segala Peringgi pun patah perangnya, dan banyak matinya, lalu undur. Maka oleh orang Melaka digulungnya sekali-sekali, maka Peringgi pun pecahlah, berhamburan terjun ke air, diperhambat oleh orang Melaka. Maka segala Peringgi pun naiklah ke kapalnya, lalu belayar kembali ke Goa.

(A. Samad Ahmad, 2010: 245)

Petikan tersebut menunjukkan senapang adalah senjata yang lebih besar dan panjang daripada pistol yang diisi dengan peluru. Senapang adalah senjata yang dapat digunakan untuk menyerang musuh dalam jarak yang jauh. Senjata ini diperkenalkan oleh pihak Barat ke alam Melayu.

### **Bedil**

Selain itu dalam perkisahan penaklukan perluasan kuasa dan jajahan menyebabkan wujudnya penciptaan bedil yang tersendiri bagi mengalahkan musuh lawan. Penggunaan bedil dalam *Sulalatus Salatin* adalah sebagaimana di bawah:

Hatta maka Peringgi pun masuklah, setelah berpandangan, maka berperanglah Temenggung Seri Udani dengan Peringgi, terlalu azamat bertembak-tembak; bunyi Meriam seperti halilintar membela; bunyi pelurunya seperti kumbang dijolok; maka yang mati pun terlalu banyak sebelah menyebelah. Sehari semalam lamanya perang itu, maka ubat **bedil** pun habis, maka Seri Udani menyuruh memohonkan ubat bedil serta bantu.

(A. Samad Ahmad, 2010: 280)

Petikan di atas menjelaskan bedil merupakan senjata yang digunakan untuk menyerang musuh di medan peperangan. Bedil merupakan senjata yang berfungsi menewaskan musuh di medan peperangan.

### Mercun

Mercun ialah sejenis perkakas letupan kecil yang direka terutamanya untuk menghasilkan bunyi yang amat kuat terutamanya dalam bentuk dentuman yang kuat. Mercun adalah mempunyai sumbu dan dibalut dengan longsongan kertas yang sangat tebal agar dapat menampung letupan yang besar. Penggunaan senjata mercun dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Setelah datang gajah Seri Wak Raja keluar pintu Kadi Menawar, dipasangnyalah **mercun** dan periuk api, serta tempik sorak bergemuruh bunyinya, bercampur dengan segala bunyi-bunyian terlalu azamat bunyinya. Maka Balidsi pun terkejut, lalu lari; beberapa pun ditahan oleh Tun Abdul Karim, tiada juga bertahan. Setelah dilihat oleh Seri Wak Raja kelakuan gajah itu, maka katanya pada Tun Abdul Karim, “Abang, abang, baiklah undur ke tengah, biar beta ke kepala pula.” Maka Tun Abdul Karim pun ke tengahlah. Maka Seri Wak Raja pula tampil ke kepala gajah; maka dipalingnya Balidsi, lalu dilanggarnya pintu pagar Kadi Menawar; beberapa pun dipasang orang **mercun** dan periuk api, dan tempik sorak seperti tagar, tiada dihisabkannya, dirempuhnya juga.

(A. Samad Ahmad, 2010: 197)

Petikan di atas menjelaskan mercun adalah sejenis letupan kecil yang menghasilkan bunyi yang amat kuat dan dentuman bunyi yang kuat. Mercun digunakan untuk menyerang musuh dalam jarak yang jauh dan membunuh musuh dalam kuantiti yang banyak.

### Periuk api

Periuk api atau pun ranjau merupakan sejenis alat bahan letupan yang diletakkan di atas atau pun dibawah permukaan tanah. Periuk api akan meletup apabila dicetuskan oleh kenderaan, manusia atau pun haiwan. Periuk api merupakan alat yang dibuat untuk letupan dan biasanya digunakan dalam peperangan. Penggunaan periuk api adalah dapat melindungi sempadan yang

dipertikai dan untuk mengehadkan pergerakan musuh semasa dalam peperangan. Dari segi taktiknya periuk api adalah taktik fungsinya adalah sama dengan kawat berduri atau pun gigi naga konkrit yang dapat menghalang laluan askar musuh dan dapat membolehkan kawasan itu dapat dipertahankan dengan lebih mudah. Dalam konteks peperangan pula periuk api adalah dianggap sebagai pengganda kuasa yang membolehkan pasukan yang teratur dapat mengatasi musuh yang lebih ramai dalam peperangan. Penggunaan senjata periuk api dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Setelah datang gajah Seri Wak Raja keluar pintu Kadi Menawar, dipasangnyalah mercun dan **periuk api**, serta tempik sorak bergemuruh bunyinya, bercampur dengan segala bunyi-bunyian terlalu azamat bunyinya. Maka Balidsi pun terkejut, lalu lari; beberapa pun ditahani oleh Tun Abdul Karim, tiada juga bertahan. Setelah dilihat oleh Seri Wak Raja kelakuan gajah itu, maka katanya pada Tun Abdul Karim, “Abang, abang, baiklah undur ke tengah, biar beta ke kepala pula.” Maka Tun Abdul Karim pun ke tengahlah. Maka Seri Wak Raja pula tampil ke kepala gajah; maka dipalingnya Balidsi, lalu dilanggarnya pintu pagar Kadi Menawar; beberapa pun dipasang orang mercun dan **periuk api**, dan tempik sorak seperti tagar, tiada dihisabkannya, dirempuhnya juga.

(A. Samad Ahmad, 2010: 197)

Petikan di atas menjelaskan periuk api berfungsi membuat letupan dalam peperangan. Periuk api dapat digunakan dalam jarak jauh dalam peperangan. Periuk api dapat mengancam manusia, binatang yang ada di sekeliling.

### **Beladau**

Beladau merupakan senjata tradisi yang hampir menyerupai senjata golok. Senjata beladau merupakan senjata panjang. Senjata beladau digunakan untuk menetak dalam jarak jauh menerusi peristiwa yang dikisahkan dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana di bawah:

Adapun akan Kadi Menawar itu terlalu tahu menetakkan **beladau**, ia belajar kepada raja Maluku yang datang ke Melaka dahulu. Apabila Kadi Menawar duduk dihadap segala muridnya, tempat ia duduk itu berkisi-kisi, maka kata Kadi Menawar pada segala muridnya, “berapa batang kehendak tuan hamba diputuskan kisi-kisi itu, hamba tetak dengan **beladau**. Maka sembah segala muridnya, dua batang; maka ditetak oleh Kadi dengan **beladaunya** dua batang, putus. Jika dikata orang itu tiga batang, tiga batang putus. Berapa dikehendaki orang demikian juga putusnya; demikianlah peri tahunya Kadi Menawar menetakkan **beladau**, sentiasa **beladau** itu ada diletakkan di sisinya. Adapun di luar kisi-kisi itu digantungnya timba dua tiga biji. Apabila Kadi Menawar kumur-kumur, dipancarkannya dari dalam kisi-kisi itu kepada timba itu betul, tiada bersememeran kiri kanan kisi-kisi itu.

(A. Samad Ahmad, 2010: 198)

Petikan di atas menjelaskan beladau adalah fizikal senjata beladau yang tajam dan tidak bersarung boleh menakutkan dan menggerunkan pihak musuh lawan. Kebiasaannya senjata beladau adalah digunakan untuk membantu aktiviti kerja dirumah. Disamping senjata beladau berfungsi untuk menetak dalam jarak jauh. Senjata beladau dapat melindungi diri daripada ancaman musuh nyata mahu pun musuh ghaib.

Selain itu dalam sistem perlantikan perjawatan atau penganugerahan seseorang dalam pentadbiran adalah berdasarkan kepandaian dan kehebatan seseorang dalam bermain senjata menentang musuh lawan. Perlantikan penganugerahan adalah sebagai penghargaan kepada pahlawan Melayu kerana telah membantu melicinkan lagi perjalanan kestabilan pentadbiran negara daripada ancaman musuh yang jahat.

### **FUNGSI DAN PERANAN SENJATA DALAM *SULALATUS SALATIN***

Senjata bukan sekadar benda tajam yang digunakan untuk memotong atau menikam. Sebaliknya senjata mempunyai simbolik kefungsianya dalam kehidupan masyarakat Melayu dalam *Sulalatus Salatin*. Senjata memainkan peranan sebagai penentu sejarah kegemilangan dan kejatuhan sesebuah negara kota. Senjata mempunyai simbolik kuasa tertentu. Senjata mempunyai simbolik sebagai penganugerahan, senjata sebagai pertempuran, senjata sebagai tipu helah muslihat atau memperdayakan musuh lawan, senjata sebagai perhiasan diri, senjata sebagai pemagar negara kota dan sebagainya.

#### **Simbol penganugerahan/penghargaan**

Menurut Abdul Latif Haji Ibrahim (1995) yang menyatakan penganugerahan gelaran bukan sahaja dapat mengukuhkan dan memperluaskan kuasa, kedudukan dan kawasan bahkan juga dapat membendung serta mengurangkan kemaraan kuasa dalam pergeseran perebutan kerajaan atau pun sesuatu jawatan tinggi. Penganugerahan gelaran ini selalunya diberikan kepada kaum kerabat dan orang-orang yang dipercayai sahaja. Penerima gelaran akan mendapat keistimewaan dari segi taraf kedudukan, hadiah, senjata dan perlambangan gelaran. Penganugerahan gelaran adalah sebagai balasan terhadap jasa bakti, taat setia dan perkhidmatan yang telah dicurahkan sebagaimana mengikut perintah raja. Dalam masyarakat Melayu tradisi tidak ada tugas yang lebih bernilai prestasinya selain yang berhubungan dengan raja atau pun yang diperintahnya. Disamping penganugerahan ini adalah sebagai suatu tanda penerimaan tentang adanya kedudukan taraf yang berbeza. Raja/sultan adalah boleh mengurniakan gelaran dan senjata kepada seseorang yang diperkenankan oleh baginda pada bila-bila sahaja.

Selain itu dalam *Sulalatus Salatin* adalah amat banyak dikisahkan tentang hubungan senjata dengan penganugerahan/penghargaan. Boleh dikatakan setiap tetamu yang datang ke Melaka pada zaman itu adalah dianugerahi senjata oleh sultan. Bukan tetamu sahaja bahkan setiap anggota rombongan adalah turut menerima senjata setelah mendapat perkenan sultan. Disamping itu senjata turut dianugerahkan kepada orang besar, pahlawan kerana kegagahan dan keberanian mereka dalam menjalankan titah perintah sultan, menumpaskan musuh atau

mengalahkan musuh dan menawan sesebuah negara lain. Penganugerahan atau penyampaian senjata adalah sebagai penghargaan mereka menjalankan titah perintah sultan.

Penghargaan atau penganugerahan adalah tergantung pada kekuatan sakti senjata yang dimiliki oleh orang besar atau pahlawan. Kemenangan seseorang dalam pertaruhan diberi penganugerahan senjata dan gelaran sebagai menghargai wira kerana jasa pahlawan yang berani berjuang terhadap raja dan menjaga keselamatan negeri. Penganugerahan senjata dan gelaran tertentu yang diberikan oleh raja/sultan sebagai lambang penyerahan kesaktian, kekuatan ghaib dan kekuatan tertinggi yang dimiliki oleh pahlawan negeri. Selain itu penganugerahan senjata dan gelaran adalah mengandungi nilai kerohanian selain pembuktian pengabdian pahlawan Melayu kepada raja/sultan dan negerinya. Atas perkenaan sultan/raja seseorang wira akan dikurniakan senjata sebagai penghargaan kepada wira yang telah banyak berjasa kepada negara. Senjata sebagai penganugerahan atau penghargaan wira dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat dalam petikan sebagaimana berikut:

Setelah berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka; maka dipersembahkan oranglah pada Sultan Mahmud, bahawa Hang Nadim datang daripada Pahang menumpang jong Nakhoda Saiyid Ahmad; membawa anak Bendahara Pahang yang bernama Tun Teja Ratna Menggala itu. Telah didengar oleh Sultan Mahmud, maka terlalulah sukacita baginda. Baginda menyuruh mengalu-alukan Hang Nadim. Setelah hari malam, maka Hang Nadim pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah dipersembahkan Tun Teja Ratna Menggala; maka baginda pun terlalu hairan melihat rupa Tun Teja itu maka diucapkan baginda subhana'llah ‘amma yasifun; dan beberapa puji baginda akan Hang Nadim, dan diberi persalin dengan seperti adat pakaian anak raja-raja, dan dianugerahi emas, dan perak, dan harta tiada terkira banyaknya. Maka Nakhoda Saiyid Ahmad pun dianugerahi baginda persalin dengan sepertinya, dan digelar baginda Syah Andeka Menteri, dianugerahi keris bersalut dan pedang berikat emas, disuruh berdiri di tingkat sama dengan segala bentara. Maka Tun Teja dikahwini Sultan Mahmud Syah, terlalu kasih baginda akan dia. Pada suatu kaul, Sultan Mahmud dengan Tun Teja beranak seorang perempuan bernama Puteri Adma Dewi.

(A. Samad Ahmad, 2010: 230-231)

Petikan teks diatas menjelaskan senjata yang elok dan indah buatannya selalunya diberi oleh raja sebagai tanda penghargaan terhadap khidmat setia bakti wira terhadap raja dan negara. Selain itu senjata berkenaan adalah menjadi simbol kemenangan wira yang telah berjaya menunaikan segala harapan raja tanpa mengecewakan hasrat raja Melaka tersebut yang sangat berkenan ingin memperisterikan Tun Teja.

Selain itu senjata simbolik penganugerahan dan penghargaan wira yang berjasa pada raja dan negara dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat juga dalam peristiwa tersebut.

...lembing anugerah paduka kakanda ini sinda persembahkan di dada.

(A. Samad Ahmad, 2010: 149)

...jika jadi Temenggung dianugerahi tombak bertetampan.

(A. Samad Ahmad, 2010: 206)

Petikan tersebut menjelaskan senjata menjadi simbol penganugerahan yang dikurniakan oleh sultan/raja kepada pembesar yang memberi sumbangan terhadap negara. Penganugerahan yang diberikan adalah sebagai menghargai segala jasa dan pengorbanan yang telah dijalankan oleh pembesar dalam menjadikan perkhidmatan dibawah pimpinan sultan/raja.

### **Simbol pertempuran**

Menurut Roziah Adama (2018) menyatakan pengorbanan pahlawan bukan sahaja kesanggupan bertempur di medan peperangan untuk memerangi musuh dan orang tersayang demi nusa dan bangsa. Mereka sanggup melepaskan orang yang tersayang bagi menjalankan tanggungjawab terhadap negara. Sesungguhnya perjuangan di medan pertempuran adalah menuntut pengorbanan untuk berjuang dan berbakti kepada raja dan negara. *Sulalatus Salatin* adalah memperihalkan senjata simbolik pertempuran sebagaimana berikut:

Maka bertemulah rakyat Siam dengan rakyat Keling, lalu berperanglah, tiada sangka bunyinya lagi; segala yang bergajah berjuangkan gajahnya, dan yang berkuda bergigitkan kudanya, dan yang berpanah berpanahlah dianya dan yang berlembing bertikamlah lemingnya, dan yang berpedang bertetakan pedangnya. Maka rupa segala senjata seperti hujan yang terlalu lebat, tidaklah lagi tampak awan di langit, oleh kebanyakan kilat senjata itu; gegak gempitalah bunyi tempik sorak orang berperang itu, maka berbangkitlah lebu duli ke udara, kelam-kabut, siang menjadi malam seperti gerhana matahari. Maka segala rakyat antara kedua belah pihak itu pun jadi campurbaurlah, tiada berkenalan lagi waktu berperang itu. Mana yang mengamuk di amuk orang pula, ada yang menikam ditikam orang pula. Maka kedua pihak itu pun banyaklah mati dan lukanya, darah pun banyaklah tumpah mengalir ke bumi seperti air sebak.

(A. Samad Ahmad, 2010: 12)

Petikan tersebut yang dijalankan menjelaskan senjata adalah menjadi simbol di medan pertempuran. Senjata yang diciptakan oleh tukang besi bukan sekadar perhiasan sebaliknya senjata pertempuran untuk menentang penjajah asing. Demi mempertahankan tanah air daripada dirampas penjajah asing maka senjata berbisa di medan pertempuran.

### **Simbol taktik tipu helah muslihat melawan musuh**

Menurut Xun Zi (2009) yang menyatakan apabila musuh berkebolehan, kita mestilah berpura-pura tidak berkebolehan. Apabila orang lain aktif, kita mestilah berpura-pura tidak aktif. Apabila musuh hampir mencapai matlamatnya, kita berpura-pura jauh lagi daripada pencapaian

matlamat kita. Apabila musuh masih jauh lagi dengan matlamatnya, kita berpura-pura sudah hampir dengan matlamat kita. Apabila musuh gemarkan sedikit perolehan, kita mesti memujuknya dengan memberi umpan. Apabila musuh berada dalam keadaan kelam-kabut, kita dapat menghancurkan mereka dengan mudah. Apabila musuh itu kuat, kita mesti berhati-hati membuat persiapan. Kita mesti mengelakkan diri daripada menyerang kekuatan musuh, sebaliknya menumpukan perhatian kepada kelemahan musuh. Daripada cara ini kita dapat meramalkan kemenangan atau pun kekalahan kita dalam taktik melawan musuh.

Selain itu, taktik tipu helah melawan musuh adalah cubaan untuk mengkaburi atau menyesatkan musuh lawan. Demikian kerana keupayaan menawan musuh tanpa melibatkan pertikaman senjata adalah amat digalakkan. Panglima yang mahir ilmu persenjataan adalah berkeupayaan menawan musuh tanpa melibatkan pertikaman senjata. Dimana senjata berkeupayaan membuat pengeliruan atau pengkaburan terhadap musuh lawan yang datang membuat serangan. Untuk itu, kedudukan pihak musuh dari segi kekuatan dan kelemahan perlulah diketahui terlebih dahulu. Sehubungan itu, musuh yang terjerat dalam taktik tipu helah muslihat melawan musuh adalah mudah untuk ditewaskan atau dikalahkan dengan mudah. Taktik mengaburi pihak musuh tanpa melibatkan pertikaman adalah boleh dilihat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana berikut:

Setelah dilihat oleh Raja Suran, maka baginda pun tampillah mengusir Raja Chulan itu. Maka Adapun kenaikan Raja Suran, gajah tunggal lagi meta, delapan hasta tingginya; tetapi gajah Raja Chulan itu terlalu berani. Maka bertemulah kedua gajah itu, lalu berjuang, maka bunyi kedua gading gajah itu seperti bunyi petir yang tiada berputusan. Maka kedua gajah itu pun tiada beralahan; maka berdiri Raja Chulan di atas gajahnya menimang-nimang lembingnya, lalu ditikamkannya kepada Raja Suran, maka kenalah ke baluhan gajah itu, sejengkal menjunjung ke sebelah. Maka Raja Suran pun segera memanah Raja Chulan, kena dadanya terus ke belakang; maka jatuhlah ia dari atas gajahnya ke tanah, lalu mati.

(A. Samad Ahmad, 2010: 12)

Setelah keesokan hari, maka Betara Majapahit pun keluar dihadap oleh segala raja-raja, menteri hulubalang; dan Sultan Mansur Syah pun ada mengadap. Maka titah Betara Majapahit, “Tahukah Tun Bijaya Sura memakai cara Jawa?” Maka sembah Tun Bijaya Sura, “Jikalau dikurnia Paduka Betara, tak tahu pun kula pakai juga.” Maka dikurnia Betara Majapahit persalinan. Maka Tun Bijaya Sura pun memakai cara Jawa, berkeris di belakang. Setelah ia memakai, lalu ia menyembah dan turun melihat orang menyabung terlalu ramai; bunyi sorak orang terlalu gemuruh, seperti tagar sampai ke langit. Dalam pada sabur itu, maka oleh kepetangan itu diambilnya keris Tun Bijaya Sura, dapat matanya sahaja, lalu dipersembahkan kepada Betara Majapahit. Maka Tun Bijaya Sura pun menoleh ke belakang, dilihatnya kerisnya tiada. Maka katanya, “Eh, kesendalan aku oleh Jawa keparat ini.” Maka lalu ia segera naik menyamar; didekatinya orang yang membawa puan Betara Majapahit itu. Maka disembarnya mata keris orang itu, dimasukkannya ke dalam sarung kerisnya, lalu ia turun.

Maka orang menyabung itu pun berhentilah. Maka Betara pun duduklah di penghadapan dihadap orang banyak. Keris Tun Bijaya Sura itu ditindih Betara di bawah pahanya. Maka titah Betara, “Tun Bijaya Sura, mari sini!” Maka Tun Bijaya Sura pun segera datang, duduk di bawah Betara. Maka oleh Betara diambilnya keris Tun Bijaya Sura itu, ditunjukkan baginda pada Tun Bijaya Sura; titah Betara, “Tun Bijaya Sura, kita mendapat keris terlalu baik, adakah Tun Bijaya memandang keris seperti keris ini?” Maka Tun Bijaya Sura, dihunusnya mata keris itu dari sarungnya, maka sembahnya, “mana baik dengan keris patik ini?” maka dilihat oleh Betara keris itu, dikenal baginda, kerana adat raja-raja Jawa akan orang yang membawa puannya itu diberinya memakai keris yang baik, keris kerajaan lengkap dengan alatnya. Maka Betara pun bertanya pada orang membawa puan itu, “mana kerismu?” maka dilihatnya keris tinggal sarungnya sahaja. Sembahnya, “ke mana keris patik? Tinggal sarungnya juga!” maka Betara pun tersenyum, maka titah baginda, “terlalu cerdik sekali Tun Bijaya Sura ini, tiada tersemu oleh kita.” Maka keris Tun Bijaya Sura itu dikembalikan Betara, dan akan keris baginda itu dianugerahkan sekali pada Tun Bijaya Sura.

(A. Samad Ahmad, 2010: 126)

Petikan di atas menjelaskan taktik peperangan mempengaruhi kekalahan atau kejayaan melawan musuh di medan peperangan. Kejayaan semasa bertempur adalah kebijaksanaan menggunakan taktik tipu helah muslihat dalam menentang musuh yang datang menyerang. Antaranya ialah taktik tipu helah muslihat melalui senjata dan susun atur pergerakan dapat memperdayakan musuh tanpa melibatkan sebarang kecederaan atau pun kecelakaan. Kebijaksanaan pahlawan Melayu yang pandai bermain senjata berkeupayaan membuat tipu helah muslihat atau memperdayakan menentang musuh dalam jangka masa yang singkat. Selain itu, tipu daya atau pun tipu helah muslihat ialah anjuran untuk menggunakan akal fikiran sebaik-baiknya dalam menghadapi musuh. Taktik tipu daya atau pun tipu helah muslihat adalah lebih baik daripada hanya menggunakan senjata dan semangat keberanian dalam melawan musuh. Justeru itu peperangan yang terbaik adalah menggunakan tipu daya atau pun tipu helah muslihat semasa berhadapan dengan pihak musuh. Hal ini adalah kerana yang kedua adalah boleh mendatangkan risiko bahaya yang lebih tinggi, sedangkan kemenangan adalah boleh dicapai melalui tipu helah muslihat sebagai strategi awal yang dilakukan tanpa perlu berhadapan dengan pihak musuh lawan.

### Simbol perhiasan diri

Senjata memainkan peranan sebagai alat perhiasan diri yang menjadi pelengkap kepada pemakaian seseorang. Perhiasan diri berkeupayaan menaikkan seri dan keindahan pemakai tidak kira lelaki maupun wanita. Boleh dikatakan barang perhiasan diri terdahulu adalah diperbuat daripada emas, perak atau tembaga yang menjadi lambang kepada pemakai. Begitu juga dengan senjata adalah diperbuat daripada emas, perak atau tembaga. Boleh dikatakan masyarakat dalam *Sulalatus Salatin* adalah antara tamadun terawal menitikberatkan hal-hal pemakaian alat perhiasan diri kerana menjadi lambang kepada pemakai. Salah satu adalah senjata yang menjadi alat perhiasan diri dan menjadi lambang keunikian kepada pemakainya

terutama bagi golongan lelaki. Senjata digunakan sebagai alat melawan musuh dan juga perhiasan diri. Senjata sebagai alat perhiasan diri adalah melambangkan keindahan seni buatan keris yang dihasilkan oleh pertukangan. Kelazimannya senjata sama ada keris yang bertatahkan emas, perak atau tembaga adalah menjadi salah salah satu alat perhiasan diri dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis adat istiadat, majlis pengurnian pingat atau darjah kebesaran dan sebagainya. Selain itu senjata sebagai alat perhiasan diri adalah melambangkan ketampanan, kegagahan, kemampuan siap sedia menghadapi masa hadapan yang penuh cabaran dan ia berfungsi simbolik dan estetika. Hal ini adalah boleh dilihat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana berikut:

Hatta segala raja-raja dan Menteri, sida-sida, bentara, hulubalang sekaliannya lalu berjalan, seorang-seorang di hadapan peranginan itu, semuanya dengan perhiasan, masing-masing dengan kenaikannya dengan pelbagai kelakuan. Telah habislah segala Orang Besar-Besar, maka segala rakyat kecil besar semuanya lalu, seorang pun tiada perkenan Puteri Awi Kesuma. Setelah habis orang banyak itu, kemudian lalulah Ki Mas Jaya, anak angkat si penyadap itu, berkain segara kuning bertulis madu memancar, bersabuk biaban hijau, berkeris berhulu cula, tiada memakai pontoh, bergelang kemit tubuh, bersunting bunga semadarasah wilis cempaka, berurap-urapan hingga leher; giginya seperti bunga serigading, bibirnya seperti daun ketirah, terlalu baik parasnya, manis, pantas, pangus, tiada siapa taranya pada zaman itu.

(A. Samad Ahmad, 2010: 115)

Petikan di atas adalah menjelaskan senjata bukan sekadar sebagai alat untuk mempertahankan diri ketika berperang atau diserang tetapi menjadi simbol perhiasan diri. Kebanyakannya senjata tersebut disimpan atau pun dimiliki adalah untuk dijadikan sebagai alat perhiasan. Senjata yang tersarung si pemakai adalah dengan sendirinya memberikan aura tersendiri dan menaikkan keserian sebagai perhiasan diri pemakai. Senjata menjadi lambang kekemasan dan kecantikan dalam pemakaian sebagai alat perhiasan diri.

### **Simbol pemagar negara kota**

Ar. Mastor Surat. (2013) yang menyatakan masyarakat purba di seluruh dunia sama ada di barat di timur tengah, di timur jauh, di Amerika Latin mahu pun di Dunia Melayu telah menggunakan perlambangan dalam menyampaikan amanat terutamanya berkaitan dengan kepercayaan dan amalan masing-masing.

Begitu juga kepercayaan terhadap senjata mempunyai perlambangan dalam kehidupan masyarakat. Senjata berperanan sebagai pendinding/pemagar istana sebagai usaha memberi perlindungan isi rumah daripada ancaman manusia, binatang buas atau mahluk halus. Hal ini adalah boleh dilihat senjata leming dijadikan pagar istana sepertimana dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana dibawah:

Selama baginda kerajaan di alam Minangkabau itu, maka batang jelatang-ayam pun terlalu besar, diperbuatkan tiang balai baginda; lain daripada anak cucu baginda tiada siapa dapat duduk di sana kegatalan, dan batang saluguri akan baluhan tabuh, dan batang pulut-pulut baluhan gendang, dan ruyung-kayang dapat diperbuatkan tetaran leming menjadi pagar istana baginda itu; sebab itulah alam Minangkabau itu dinamai “Pagar Ruyung”, yang tersebut datang sekarang. Syahadan Patih Suatanglah akan bendahara baginda, memerintahkan kerajaan baginda.

(A. Samad Ahmad, 2010: 23)

Petikan di atas adalah menjelaskan senjata mempunyai simbolik sebagai pemagar negara kota. Pensenjataan adalah merupakan salah satu syarat yang penting untuk mengukuhkan benteng pertahanan negara. Penggunaan pensenjataan yang lengkap dan sistematik adalah sebagai persediaan untuk menghadapi ancaman musuh adalah selari dengan al-Quran surah al-Anfal: 60 di mana Allah memerintahkan umat Islam supaya bersiap sedia dengan segala kekuatan dalam apa jua keadaan mengikut kemampuan masing-masing. Qutb, Syed (2003) dalam menafsirkan ayat ini telah berpendapat bahawa umat Islam harus bersedia dalam apa jua keadaan sekalipun dengan segala kekuatan yang wujud di samping teknologi pensenjataan yang berubah mengikut perubahan zaman. Tujuannya adalah untuk menggerunkan pihak musuh sama ada luaran mahu pun dalaman sebelum bermulanya peperangan. Nabi Muhammad telah mengaplikasikan pensenjataan dengan mempersiapkan alat-alat kelengkapan perang terbaik yang bersesuaian dengan pada zaman tersebut. Selain itu, Nabi Muhammad juga mempersiapkan diri dan sahabat-sahabat baginda dengan ilmu peperangan dan penggunaan senjata. Dapatlah disimpulkan bahawa senjata yang lengkap menjadi pemagar negara kota daripada ancaman musuh yang berhasrat menjatuhkan negara kota.

### **Simbol penghormatan**

Senjata juga dianggap sebagai alat penghormatan sebagaimana dalam *Sulalatus Salatin* yang menjelaskan bahawa seseorang itu tidak dibenarkan masuk ke balairung seri menghadap raja/sultan tanpa memakai senjata. Selain itu, terdapat adab memakai senjata apabila masuk ke balairung mengadap sultan/raja seperti apabila berkeris di belakang masuk ke dalam balairung istana akan dirampas oleh penunggu pintu istana. Senjata hendaklah dipakai dengan adab masuk ke balairung mengadap sultan/raja sebagai penghormatan senjata pemakai. Hal ini adalah boleh dilihat sebagaimana dalam *Sulalatus Salatin* seperitimana berikut:

Bermula segala orang yang beremas, bagaimana sekalipun kayanya, jika lau tiada dianugerahi raja tiada boleh dipakai, apabila sudah dianugerahi barang sekali jua pun, dapatlah dipakai selama-lamanya. Dan jika lau orang masuk ke dalam jika tiada kain berpancung, dan berkeris di hadapan, dan bersebai, tiada dapat masuk, barang siapa pun baik; dan apabila berkeris di belakang masuk ke dalam, dirampas oleh penunggu pintu.

(A. Samad Ahmad, 2010: 75)

Petikan di atas menjelaskan senjata mempunyai simbolik penghormatan terutama adat dan pantang larang senjata yang harus dihormati oleh pemakai atau pemilik senjata tersebut. Senjata tidak boleh dipakai sembarangan tanpa tujuan tertentu sebagai mengelakkan seseorang ditimpa musibah. Senjata juga harus disimpan secara elok dan disimpan secara baik sebagai penghormatan terhadap senjata tersebut. Selain itu, didalam upacara penobatan seorang raja dan sultan, keris adalah lambang kekuasaan dan kedaulatan. Keris dihunus dari sampirnya dan raja atau sultan akan mengucup keris berkenaan. Kucupan kepada keris adalah lambang penghormatan dan pertanggungjawaban terhadap rasa kasih yang melimpahkan kedaulatan seorang raja kepada rakyat dan wilayah jajahan naungannya.

### **Simbol peperangan**

Xun Zi (2009) menyatakan peperangan adalah suatu perkara yang amat penting bagi negara. Ia menentukan jatuhan bangunnya sesebuah negara. Senjata simbolik peperangan dalam *Sulalatus Salatin* adalah boleh dilihat sebagaimana di bawah:

Maka dikeluari oleh orang Singapura terlalu sabur berperang; tetak-menetak, parang-memarang, tikam-menikam, serta dengan tempik soraknya, gegak-gempita, tiada sangka bunyi lagi.

(A. Samad Ahmad, 2010: 70)

Senjatanya lembing. Maka bertemu lah orang Melaka dengan orang Kampar, lalu berperang terlalu ramai; ada yang bertikamkan lembing, lalu berperang terlalu ramai; ada yang bertikamkan lembing, ada yang bertetakkan pedang dan cipan, ada yang berpanah-panahan.

(A. Samad Ahmad, 2010: 149)

Petikan di atas menjelaskan senjata menjadi simbol dalam peperangan. Senjata adalah satu warisan budaya yang bukan sahaja dijadikan sebagai alat untuk mempertahankan diri ketika berperang atau pun diserang tetapi juga penting dalam kehidupan bermasyarakat. Walau bagaimanapun senjata adalah dicipta untuk mempertahankan diri dalam peperangan.

### **Simbol perjawatan**

*Sulalatus Salatin* memperihalkan senjata mempunyai simbolik dengan perjawatan. Sekiranya ditelitikan senjata adalah diperbuat daripada emas, perak atau tembaga dan suasa dan pemakaian senjata sedemikian adalah mengikut pengelasan perjawatan seseorang. Demikian kerana perjawatan orang besar atau orang yang diperkenankan oleh raja/sultan adalah menerima senjata sebagai perjawatan dalam istana. Begitu juga senjata bersalut emas hanya boleh dipakai oleh orang kebanyakan dengan limpah perkenan sultan/raja. Emas dikatakan hanya dipakai oleh keluarga diraja sahaja. Sebaliknya senjata bersalut emas beserta perjawatan hanya menjadi

anugerah kepada pembesar atau rakyat jelata yang banyak berjasa kepada raja/sultan sebagai membalas jasa kepada hambanya. Hal ini adalah boleh dilihat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana di bawah:

Syahadan apabila raja berangkat hari raya berusung, Penghulu Bendahari memegang kepala usungan yang di kanan, dan yang di kiri Laksamana, dan di belakang itu Menteri keduanya yang memegang dia, dan pada rantai dekat kaki raja. Seri Bija Diraja memegang dia; dan bentara, hulubalang berjalan dahulu di hadapan raja, masing-masing dengan jawatannya. Segala alat kerajaan dibawa orang berjalan di hadapan raja, tombak kerajaan sebatang dari kiri dan sebatang dari kanan; di hadapan raja segala bentara memikul pedang, dan di hadapan sekali dengan orang yang berlembing. Adapun jogan di hadapan raja, dan di hadapannya gong gendang dan segala bunyi-bunyian, negara dari kanan, nafiri dari kiri; jikalau berjalan, lebih kanan daripada kiri; dan pada kedudukan, lebih kiri daripada kanan. Demikian lagi ketika mengadap nobat pun demikian juga; orang yang berjalan di hadapan raja itu, barang yang kecil dahulu. Adapun tombak berjajar dan segala pawai dahulu sekali, dan pelbagai bunyi-bunyian serba jenis sekaliannya dahulu. Adapun Bendahara berjalan di belakang raja dengan kadi dan pakeh, segala Orang Besar-besar dan segala Menteri yang tua-tua.

(A. Samad Ahmad, 2010: 78)

...Maka Nakhoda Saiyid Ahmad pun dianugerahi baginda persalin dengan sepertinya, dan digelar baginda Syah Andeka Menteri, dianugerahi keris bersalut dan pedang berikat emas, disuruh berdiri di tingkat sama dengan segala bentara.

(A. Samad Ahmad, 2010: 231)

Petikan di atas menjelaskan dalam sistem politik tradisional Melayu, keris bersampir adalah digunakan sebagai lambang perlantikan jawatan dan perletakan jawatan. Seseorang yang dianugerahi jawatan akan dikurniakan sebilah keris oleh sultan. Jika seseorang pembesar memegang jawatan tertentu dalam istana, maka keris yang dianugerahkan oleh raja adalah keris yang sesuai dengan kedudukannya. Rakyat biasa boleh memakai keris yang sesuai dengan kedudukan mereka masing-masing.

### **Simbol pelengkap pakaian baju Melayu**

Senjata adalah begitu tinggi nilainya dalam kalangan masyarakat Melayu tradisi malahan senjata adalah dianggap sebagai pelengkap kepada pakaian baju Melayu. Senjata biasanya dipadankan dengan pakaian baju melayu. Seseorang lelaki Melayu dikatakan dianggap tidak lengkap sekiranya tidak menyandang sebilah keris. Seseorang lelaki Melayu yang gagal membawa keris adalah boleh diumpamakan sebagai tidak berpakaian dengan sempurna. Selain itu lelaki yang memakai baju cekak musang, berseluar panjang dan bersampin serta disisipkan sebilah keris sebelah kanan adalah kelihatan gagah dan tampan. Senjata menjadi lambang

kebesaran dan kegagahan lelaki Melayu. Hal ini adalah boleh dilihat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana di bawah:

...orang memakai penduk dan teterapan keris

(A. Samad Ahmad, 2010: 74)

Tetapi akan Bendahara Seri Maharaja pun terlalu baik rupanya, lagi sangatlah hiasan; pada sehari enam tujuh kali bersalin pakaian, baju yang hadir juga serratus banyaknya, pelbagai rupa dan warnanya; destar yang sudah terikat pada kelebut dua tiga puluh semuanya, sudah dipakai belaka; cermin besar setinggi berdiri satu. Apabila Bendahara Seri Maharaja sudah berkain, berbaju, berkeris, dan bersebai, lalu naik duduk di buaian.

(A. Samad Ahmad, 2010: 207)

Petikan tersebut menunjukkan pemakaian keris secara tidak langsung adalah melambang tatasusaha dan adat Melayu yang tinggi nilai peradaban dan kesopanannya. Keris bukan sekadar hanya pelengkap pakaian tetapi sebagai alat yang menjunjung adat yang amat tertib dipakai pada pakaian yang bersesuaian dengan sesuatu upacara, masa atau pun majlis. Jelasnya keris adalah salah satu daripada kebudayaan seni hasil tangan pertukangan orang Melayu yang unik yang bukan sekadar banyak nampak cantik dipakai pada tubuh badan dan segak dipakai secara luarannya tetapi juga kaya dengan lambang yang amat berharga kepada pemakai keris tersebut.

Selain itu bagi lelaki pemakaian keris adalah menjadi simbolik kejantanan atau semangat kepahlawanannya iaitu tidak mudah menyerah kalah, sifat keberanian yang tinggi dan memiliki semangat juang yang tinggi. Orang Melayu adalah menjunjung tinggi nilai-nilai kepahlawanannya sebagaimana yang dipahat dalam ungkapan Melayu iaitu sekali masuk gelanggang, pantang berbalik belakang. Jelas sekali bahawa pemakaian keris ini memberikan perangsang, semangat atau pun mendorong bangkitnya keberanian seseorang dalam menghadapi musuh yang datang menyerang daripada penjuru depan mahu pun belakang.

### **Simbol mengangkat darjah dan kehormatan kepada pemakainya**

Tingginya martabat/darjah/status seseorang juga adalah terletak pada kekuasaan senjata yang dimilikinya. *Sulalatus Salatin* adalah mengangkat darjah/simbolik kehormatan kepada pemakainya yang memiliki senjata yang luar biasa. Pembesar yang mempunyai ilmu pensenjataan yang hebat dan senjata sakti mendapat tempat istimewa dalam istana. Pembesar istana yang memiliki senjata yang hebat dikatakan berkeupayaan raja/sultan akur kerana kasih kepada pembesar yang telah banyak berjasa kepada raja/sultan demi menjaga keselamatan negara kota. Selain itu senjata berkeupayaan mempengaruhi raja/sultan berubah membuat keputusan terhadap pemilik keris sebagaimana di bawah:

Hatta berapa lamanya, maka isteri Sang Sura pun berkehendak dengan Sang Guna. Maka Sang Sura pun tahu, lalu Sang Guna diadang oleh Sang Sura. Adapun Sang Guna

itu baik sikapnya, tegap sasa tubuhnya, akan Sang Sura kecil tubuhnya, hanya mersik lagi rincing. Setelah didengar oleh Sultan Mahmud akan perihal itu, maka baginda terlalu sayang akan Sang Guna; kerana Sang Guna pada ketika itu bukan barang-barang orang, ialah yang pertama mengadakan keris tempa Melaka, panjang tengah tiga jengkal, tetapi Sultan Mahmud sangat kasih akan Sang Sura. Maka tiadalah terbicara oleh baginda, lalu Sang Sura disuruh baginda panggil; maka Sang Sura pun datang, lalu dibawa baginda kepada tempat yang sunyi. Maka titah Sultan Mahmud pada Sang Sura, “ada suatu kehendak hatiku padamu, adakah engkau beri atau tiidakah?” Maka sembah Sang Sura, “Jikalau ada kepada patik, patik persembahkan, tiada akan patik tahani; sedang otak dalam kepala patik lagi duli tuanku empunya dia.” Maka titah Sultan Mahmud, “kudengar engkau konon hendak mengadang Sang Guna, jikalau ada kasihmu akan aku, kupintakilah sekali ini kepadamu, jangan engkau mengadang Sang Guna.”

(A. Samad Ahmad, 2010: 237)

Petikan di atas menjelaskan senjata adalah simbolik mengangkat darjat dan kehormatan pemakainya. Senjata merupakan tanda dan alat kebesaran yang penting. Senjata juga menjadi satu daripada alat kerajaan dalam istiadat pertabalan dan senjata rasmi kepada raja-raja Melayu. Didalam upacara penobatan seorang raja dan sultan adalah senjata menjadi lambang kekuasaan dan kedaulatan. Kucutan kepada senjata adalah menjadi lambang pertanggungjawaban terhadap rasa dan kasih yang melimpahkan kedaulatan seorang raja kepada rakyat dan wilayah jajahan naungannya. Senjata adalah menjadi lambang ketuanannya kepada pemakai yang mempertahankannya dan mendaulatkannya.

### **Simbol ilmu kebal**

Ilmu kebal adalah keupayaan seseorang untuk menahan tubuh badannya daripada ditembusi oleh senjata atau pun peluru. Ilmu kebal merupakan satu ilmu silam yang amat dipercayai dalam kalangan orang Melayu terdahulu. Secara umumnya ilmu kebal adalah boleh didapati melalui dua cara iaitu melalui amalan atau pun dengan pemakaian sesuatu benda yang menjadikan seseorang itu kebal dan tubuh badannya tidak lut ditikam senjata tajam atau pun ditembak oleh peluru. Selain itu seseorang berusaha untuk melindungi tubuh badannya daripada tercedera daripada terkena senjata. Disamping seseorang ingin memperkuatkan kehebatan dan ketangkasannya bermain senjata tanpa melibatkan sebarang kecacatan atau pun kecederaan pada anggota tubuh badannya. Sehubungan itu, senjata tertentu dianggap sebagai simbolik ilmu kebal yang dapat mengelakkan kecederaan anggota tubuh badan bermain senjata sebagaimana dalam *Sulalatus Salatin* tersebut.

...Maka disuruh oleh Tun Telanai bermain leming di hadapan Paduka Bubunnya. Maka orang tua itu dilambung-lambungnya leming itu, maka ditahankannya belakangnya; maka leming itu jatuh ke atas belakangnya, mengantul jatuh ke tanah, sedikit pun tiada garis belakangnya.

(A. Samad Ahmad, 2010: 109)

Petikan di atas menggambarkan kehebatan pahlawan Tun Telanai dalam bermain senjata leming dihadapan Paduka Bubun. Kehebatan Tun Telanai adalah senjata leming yang jatuh ke atas belakangnya adalah tidak mencederakan anggota tubuh badannya. Keadaan tersebut menjelaskan ilmu kebal adalah keupayaan seseorang bagi menahan tubuhnya daripada ditembusi oleh senjata atau pun berburu. Sehubungan itu terdapat kepelbagai pelindung diri bagi melindungi tubuh badan daripada senjata dan salah satunya melalui pengamalan ilmu kebal. Sehubungan itu ilmu kebal Tun Telanai adalah dilihat perang yang berlaku antara Tun Telanai dengan Paduka Bubun adalah dilihat apabila tubuh badannya tidak tercedera daripada tikaman leming yang amat tajam.

### **Simbol membasmi masalah jenayah**

Senjata adalah simbolik membasmi masalah jenayah terutamanya kecurian yang sangat berleluasa berlaku di Melaka. Hal ini boleh dilihat dalam *Sulalatus Salatin* sebagaimana berikut:

Semenjak itu maka kawal Seri Maharaja pun terlalu keras. Jika bertemu dengan orang berjalan dibunuhnya, tiada ditangkapnya lagi. Pada suatu malam Seri Maharaja berkawal, bertemu dengan seorang pencuri; maka diparang oleh Seri Maharaja dengan pedang bertupai, putus bahunya; maka tersampai pada alang kedai itu. Telah hari siang maka perempuan yang punya kedai itu pun hendak membuka kedai, maka dilihatnya lengan orang tersampai pada alang kedainya itu; maka ia pun terkejut, lalu menjerit. Maka daripada hari itulah datang kepada akhirnya, tiada pencuri lagi dalam negeri Melaka.

(A. Samad Ahmad, 2010: 175)

Petikan di atas menjelaskan senjata berfungsi untuk menjaga keselamatan diri, rakyat dan negara daripada ancaman jenayah yang semakin berleluasa di Melaka pada ketika itu. Pengumpulan senjata yang lengkap dapat menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup masyarakat dan negara daripada gangguan anasir luar.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya *Sulalatus Salatin* mempamerkan kepelbagai senjata tradisional dan moden. Senjata tradisional hasil pertukangan sendiri menjadi warisan orang Melayu tradisi. Terdapat nilai pemikiran dan simbolik dalam penghasilan senjata oleh tukang yang mahir. Sebaliknya senjata moden adalah dibawa masuk oleh penjajah barat ke Alam Melayu. *Sulalatus Salatin* memaparkan kegagahan dan kehebatan masyarakat tradisi terdahulu bermain senjata dan mempratikkan ilmu persenjataan tradisional Melayu untuk menyerang musuh penjajah barat yang menggunakan senjata yang lebih canggih dan moden. Senjata lazimnya digunakan

dalam mempertahankan negara kota daripada ancaman musuh. Selain itu, senjata merupakan peralatan tajam yang bukan sekadar untuk menikam atau melawan musuh sebaliknya terdapat kepelbagai fungsi penggunaan senjata yang digambarkan dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. Senjata yang hebat berkeupayaan mengangkat darjah dan martabat pemakai lebih tinggi. Sebaliknya keampuhan senjata boleh menjatuhkan martabat pemakainya.

Selain itu, Melaka telah muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang termasyhur pada abad ke-15, pelabuhan terulung ini telah menjadi pusat kehadiran pelbagai bangsa dari seantero dunia yang telah datang dengan pelbagai tujuan termasuk berdagang, bermiaga dan sebagainya. Kehadiran pedagang daripada pelbagai bangsa tersebut telah membawa bersama kepelbagai senjata dalam masyarakat tradisi. Implikasi pertembungan antara bangsa dari seantero dunia telah menjadikan Melaka semakin maju dan melahirkan pahlawan-pahlawan yang unggul dan hebat bermain senjata dan menguasai ilmu seni mempertahankan diri. Implikasinya orang Melayu merupakan bangsa yang telah menguasai teknologi pembuatan seni pertukangan senjata yang hebat dan mahir dalam ilmu kepahlawanan. Sehubungan itu, aspek keselamatan bangsa dan tanah jajahan Melaka adalah menjadi kepentingan utama dan memerlukan senjata yang hebat berdepan musuh luar yang berteknologi tinggi demi mengukuhkan kestabilan negara.

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. 2010. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Haji Ibrahim. 1995. *Sistem gelaran tradisi Melayu Brunei: satu kajian awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmat Adam. 2016. *Antara sejarah dan mitos*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Al-Mudra, M. 2004. *Keris dan budaya Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Ar Mastor Surat. 2013. Gagasan dan pemikiran ragamhias dalam senibina warisan Melayu: cabaran kepada pengukir Malaysia dalam pembangunan senibina beridentiti kebangsaan. *Seminar Nuasa Seni Ukir Melayu*.
- Haryono Haryoguritno. 2005. *Keris jawa – antara mistik dan nalar*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Mahyudin Al-Mudra. 2009. Melacak asal usul keris dan peranannya sejarah Nusantara. *Jurnal Sari* 27 (1), 27-44.
- Manan Embong. 1999. Keris darjah dan kudrat. Dlm. *Fenomena keris II*. (hlm. 81-100). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hasanuddin Mohd Yusof & Zuliskandar Ramli. 2021. Pengelasan Jenis-Jenis Meriam Tradisional Melayu Berdasarkan Kepada Saiz dan Reka Bentuk. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 34 (1), 59- 67.
- Mt. Arifin. 2006. *Keris-jawa bilah, latar, sejarah hingga pasar*. Jakarta: Penerbit Hajied Pustaka.

- Ng Chalida Fachruddin. 1995. *Tatarias pengantin Melayu Sumatera Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2022. Konflik Diri dan Citra Wanita dalam Teks *Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4 (1), 410-418.
- Prue Harrison. 2011. *Malay jewelry: where traditional culture endures*. London: Passage.
- Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul Bahaman. 2017. *Sulalatus Salatin* Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) International Journal of The Malay Letters*, 5, 213-232
- Xun Zi. 2009. Kaedah peperangan. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*, Volume 1, 61-88.
- Qutb, Syed. 2003. *Fi Zilal al Quran. (jil.6)*. Qahirah: Dar al-Syuruq.
- Zainal Abidin Borhan. 2016. *Sulalatu's-Salatin*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Zubir Idris. 2011. *Etnosentrisme Melayu dalam Sulatus Salatin*. *Jurnal Melayu*, 7, 107-120.

**Biodata Penulis:**

**Azrina Musa (PhD.)** merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu. Bidang kajian beliau adalah perubatan Melayu menggunakan keris.

**Yusmilayati Yunos (PhD.)** merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah etnoperubatan Melayu dan Jawa.